

**PENGECUALIAN SEMENTARA DUTI KASTAM DAN DUTI EKSAIS BAGI  
PRODUK-PRODUK KEBERSIHAN DIRI (PERSONAL HYGIENE)**

**1. Apakah dimaksudkan dengan pengecualian sementara duti kastam dan duti eksais bagi produk-produk kebersihan diri (*personal hygiene*)?**

Produk-produk kebersihan diri yang telah dikenalpasti akan dikecualikan duti kastam dan duti eksais secara sementara bagi tempoh lima (5) bulan mulai 1 Ogos 2021 hingga 31 Disember 2021. Senarai produk-produk tersebut adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Keterangan Barang</b>	<b>Kod HS</b>	<b>Cukai Asal</b>
1	Sarung tangan dan apron diperbuat daripada bahan getah <i>Rubber gloves and aprons</i>	4015.11.00.00	5%
		4015.19.00.00	
		4015.90.90.00	
2	Sarung tangan dan apron diperbuat daripada bahan plastik <i>Plastic gloves and aprons</i>	3926.20.60.00	3%
		3926.20.90.00	
3	Sabun dalam bentuk buku atau cecair seperti sabun mandian, sabun pencuci tangan dan sebagainya <i>Soap in the form of bar or liquid such as shower gel, handwash, etc.</i>	3401.11.40.00	5%
		3401.30.00.00	
4	Bahan pencuci dalam bentuk serbuk atau cecair seperti pencuci lantai, pencuci baju, pencuci pinggan mangkuk dan sebagainya <i>Washing preparations in the form of powder or liquid, used for cleaning floor, clothes, dishes, etc.</i>	3402.20.15.00	5%
		3402.20.95.00	
		3402.90.13.00	
		3402.90.93.00	

**2. Apakah objektif langkah ini?**

Langkah ini dilaksanakan untuk membantu para peniaga yang mengimport produk kesihatan, seperti sarung tangan getah dan sebagainya, selaras dengan meningkatnya permintaan khususnya semasa penularan wabak COVID-19.

**3. *Face mask* dan *hand sanitiser* adalah barang yang sering diperlukan oleh orang ramai. Mengapakah barang tersebut tidak diberikan pengecualian duti kastam dan duti eksais?**

Bermula 1 April 2017, sungkup muka (*face mask*) dan pembersih tangan (*hand sanitiser*) adalah antara barang-barang yang tidak dikenakan duti kastam dan duti eksais sejak pelaksanaan Perintah Duti Import Kastam (Pindaan)(No.2), 2017 dan Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No.2), 2017.

**4. Bagaimanakah syarikat-syarikat pengimport mendapatkan pengecualian duti kastam dan duti eksais bagi produk-produk berkenaan?**

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) akan mengecualikan produk-produk tersebut daripada duti kastam dan duti eksais bagi tempoh 5 bulan mulai 1 Ogos 2021 hingga 31 Disember 2021. Syarikat-syarikat pengimport hanya perlu membuat pengisytiharan kastam (*customs declaration*) ke atas produk berkenaan seperti lazimnya secara dalam talian (*online*) melalui *Brunei Darussalam National Single Window* (BDNSW) di laman sesawang [www.bdns.gov.bn](http://www.bdns.gov.bn).

**5. Adakah pengecualian ini diberikan kepada individu-individu yang mengimport produk-produk kebersihan diri secara persendirian?**

Ya. Individu yang mengimport secara persendirian juga akan diberikan pengecualian duti kastam dan duti eksais sama seperti syarikat-syarikat pengimport yang lainnya semasa pengisytiharan kastam (*customs declaration*) ke atas produk berkenaan yang dibuat secara dalam talian (*online*) melalui BDNSW di laman sesawang [www.bdns.gov.bn](http://www.bdns.gov.bn). Manakala, sekiranya individu mengimport melalui pos-pos kawalan atau pejabat-pejabat pos, pengecualian duti kastam dan duti eksais juga akan diberikan semasa pemeriksaan dan pelepasan kastam (*customs inspection and clearance*) ke atas produk berkenaan.

**6. Di manakah tempat mengajukan soalan-soalan lanjut berhubung dengan langkah ini?**

Soalan-soalan lanjut bolehlah diajukan melalui e-mel kepada [info@customs.gov.bn](mailto:info@customs.gov.bn) atau hubungi talian 2382361.